

NORMA BAHARU DI MASJID

4 Jun 2020 (1/5/20)

Masjid dan surau mempunyai SOP yang perlu dipatuhi jemaah

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pembukaan semula masjid dan surau selepas ditutup berikutan pandemik Covid-19 nyata memberikan kegembiraan kepada umat Islam yang rindu untuk kembali beribadah serta mengimarahkannya.

Bagaimanapun masjid dan surau perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan termasuk memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter dipatuhi jemaah.

Pengurus Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah, Hazmi Merdan berkata, penguatkuasaan SOP di masjidnya mengikut arahan yang ditetapkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah dan Pejabat Mufti Sabah.

Menurutnya, kebersihan di dalam masjid terutama ruang solat adalah aspek utama yang sentiasa dipantau pihak pengurusan selain SOP wajib membabitkan pemeriksaan suhu, penggunaan pelitup muka dan membawa sejadah sendiri.

"Selepas pembukaan semula masjid pada 19 Jun lalu, permaidani di ruang solat dibuka supaya ruang mudah dibersihkan selain aktiviti menyahkuman di dalam masjid dilakukan setiap pagi Jumaat.

"Membawa sejadah sendiri"

KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU

SOP MASJID dan SURAU

TANGGUNGJAWAB JEMAAH, PENGURUSAN MASJID DAN SURAU

Masjid dan surau dibuka untuk warganegara terlebih dahulu

Kapasiti jemaah ditambah secara berperingkat dari semasa ke semasa

Muslimah dibenar untuk ke masjid dan surau dengan syarat bersama mahram

Warga emas yang sihat dibenarkan hadir

Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah, jemaah bergejala atau menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir

Kuliah subuh dan maghrib boleh dijalankan dengan mematuhi syarat yang ditetapkan

Jamuan makan selepas kuliah tidak dibenarkan

Akad nikah boleh dijalankan di masjid tetapi perlu mengikut SOP yang ditetapkan

Ruang tertentu dibuka untuk mereka yang singgah solat seperti musafir, pemandu dan penunggang e-hailing

NOTA: Pengurusan masjid dan surau perlu merujuk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam negeri masing-masing dari semasa ke semasa

Metro INFOGRAFIK

Imbas kod QR untuk Buku Digital Pembudayaan Norma Baharu Dalam Komuniti



Bersama Hentikan Wabak Covid-19



JEMAAH mengamalkan penjarakan fizikal di Masjid Bandaraya Kota Kinabalu.



meriksaan suhu dan melaksanakan penjarakan fizikal 1.5 hingga 2 meter.

"Kami mewajibkan ahli kariah menyertai kumpulan WhatsApp masjid. Jadi mereka mudah untuk mendaftar masuk ke masjid.

"Selain itu, ahli kariah atau jemaah lain yang ingin solat di masjid ini boleh mendaftar menggunakan aplikasi Masjid Pro.

"Dengan hanya 800 hingga 900 jemaah yang dibenarkan untuk solat Jumaat, mereka yang sudah mendaftar perlu menunjukkan e-Pass yang diperolehi.

"Apabila jemaah sudah



membawa sejadah sendiri juga adalah diharuskan kepada jemaah.

“Bagaimanapun jika mereka tidak membawa sejadah,

pihak masjid ada menyediakan, tetapi dalam jumlah yang terhad selain mereka boleh membelinya

di kedai jualan yang terdapat di sebelah pintu masuk masjid,” katanya sambil memberitahu jumlah jemaah solat Jumaat di masjidnya dihadkan kepada 3,000 orang.

Menurutnya, pihaknya juga tidak membenarkan kunjungan pelancong ke masjid bagi mengelak kemungkinan penularan Covid-19.

Sementara itu, Nazir

Masjid Al-Raudah, Taman Puncak Perdana, Seksyen U10, Shah Alam, Selangor, Zainal Abidin Zakaria berkata, antara SOP dilaksanakan di masjidnya ialah jemaah perlu mendaftar masuk untuk menunaikan ibadah termasuk solat Jumaat.

Katanya, selain perlu mengambil wuduk di rumah, jemaah mesti memakai pelitup muka, menjalani pe-

Selepas pembukaan semula masjid, permaidani di ruang solat dibuka supaya ruang mudah dibersihkan selain aktiviti menyahkuman dalam masjid dilakukan setiap pagi Jumaat

Hazmi Merdan

“Apabila jemaah sudah mencukupi, jemaah lain tidak boleh lagi mendaftar,” katanya.

Zainal Abidin berkata, pematuhan ini perlu kerana boleh mencegah mereka yang tidak sihat daripada masuk ke dalam masjid.

“Dengan mematuhi SOP ditetapkan, kita mampu mengelak atau menghalang-sebarang penularan jangkitan Covid-19,” katanya.

“
Kami mewajibkan ahli kariah menyertai kumpulan WhatsApp masjid. Jadi mereka mudah untuk mendaftar masuk ke masjid
Zainal Abidin Zakaria

